



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (b) DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**PEGAWAI PENDIDIKAN (PG.3)
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di **Kementerian Pendidikan** sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PEGAWAI PENDIDIKAN
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PG.3 [\$2,450 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN]
KEKOSONGAN = LIMA PULUH (50)**

BIDANG DAN JUMLAH KEKOSONGAN:

a) BAHAGIAN PENDIDIKAN RENDAH (32 KEKOSONGAN)

- ***ART AND CRAFT / DESIGN (05 KOSONG)***
- ***BAHASA MELAYU / MELAYU ISLAM BERAJA (05 KOSONG)***
- ***ENGLISH LANGUAGE (05 KOSONG)***
- ***INFORMATION AND COMMUNICATIONS TECHNOLOGY (ICT) (05 KOSONG)***
- ***MATHEMATICS (05 KOSONG)***
- ***PENDIDIKAN JASMANI (01 KOSONG)***
- ***SCIENCE (05 KOSONG)***
- ***SOCIAL STUDIES (01 KOSONG)***

b) BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH (18 KEKOSONGAN)

- ***ACCOUNTING / COMMERCE (06 KOSONG)***
- ***BAHASA MELAYU / MELAYU ISLAM BERAJA (03 KOSONG)***
- ***DESIGN AND TECHNOLOGY / BUSINESS, ART AND TECHNOLOGY (BAT) / ART AND DESIGN / COMPUTER SCIENCE / INFORMATION AND COMMUNICATIONS TECHNOLOGY (ICT) (04 KOSONG)***
- ***HISTORY (01 KOSONG)***
- ***PENDIDIKAN JASMANI (01 KOSONG)***
- ***PENGETAHUAN UGAMA ISLAM / SYARIAH (02 KOSONG)***
- ***SOCIOLOGY (01 KOSONG)***

KELAYAKAN MINIMUM:

- 1) a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pendidikan / bidang seperti yang dinyatakan di atas atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Tenaga Pengajar sepenuh masa dalam tangga gaji PG.2 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



2. Mempunyai kelulusan-kelulusan berikut adalah satu kelebihan:
 - i. Ijazah Sarjana (*Masters by Coursework or Research*)
 - ii. Ijazah Sarjana Muda kepujian kelas dua atas dan ke atas
3. Berpengalaman dan berkemahiran dalam bidang yang dikehendaki oleh jawatan dari segi teori dan amali adalah kelebihan.
4. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris atau bahasa antarabangsa yang lain dengan baik.
5. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjadi Tenaga Pengajar;
2. Menjadi Tenaga Pengajar sepenuh masa dan bersedia bertugas di Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah di mana-mana yang ditempatkan seperti Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait, Daerah Temburong dan Daerah Tutong;
3. Mengurus dan mentadbir bilik darjah;
4. Mengurus pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kandungan pengajaran dan kaedah yang dirancang dan diteliti bersesuaian mengikut keperluan individu pelajar;
5. Mengurus dan menjaga hal ehwal pelajar;
6. Memastikan mencapai piawaian profesional dalam *Standard Guru Brunei (Brunei Teacher Standard)* yang boleh membimbing *professional learning practice and engagement* dalam mencapai tahap seorang guru yang berkualiti;
7. Bersedia untuk dilantik bagi memimpin atau mentadbir atau mengurus Jabatan atau Bahagian sekolah;
8. Bersedia untuk dilantik bagi mengurus kegiatan-kegiatan kokurikulum;
9. Bersedia untuk memberikan bengkel / seminar (jika diperlukan) berdasarkan kepakaran, kemahiran dan minat masing-masing;



10. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pemimpin sekolah atau pegawai atasan dan semasa ke semasa; dan
11. Bertanggungjawab dalam mencapai piawaian prestasi pengajaran sebagai salah satu pendekatan bagi peningkatan kerjaya dan perkembangan profesional dan memberi impak kepada pencapaian pelajar ditahap cemerlang.